

02/06/1997

Petrokimia jana ekonomi Kelantan

Mohd Shah Abdullah; Azman Mahmood

PROJEK pembangunan industri petrokimia secara usaha sama antara KUB Holdings Bhd (KUB Holdings) dan Keloil Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) di Pantai Senok, Bachok akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi Kelantan menjelang abad ke-21.

Ini kerana projek bernilai kira-kira RM2 bilion itu mampu menjana pelbagai kegiatan ekonomi dan industri hiliran berasaskan petrokimia serta membuka peluang pekerjaan, sekali gus mengubah kemajuan wajah negeri itu.

Pengerusi KUB Holdings, Datuk Hassan Harun berkata, Kelantan sukar dibangunkan dan dimajukan struktur ekonominya tanpa satu projek besar yang boleh menjana kegiatan ekonomi secara menyeluruh.

Menurutnya, jika keadaan sedia ada dibiarkan berterusan, Kelantan yang hanya mengalami kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sekitar enam peratus sudah pasti ketinggalan berbanding kemajuan di negeri lain.

"Projek ini (industri petrokimia) adalah satu projek yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi Kelantan pada masa depan.

"Usaha biasa dilaksanakan sektor industri secara kecil-kecilan tidak akan membawa negeri ini ke tahap pembangunan yang diperlukan bagi membolehkan Kelantan memasuki aliran perdana pembangunan negara yang semakin pesat.

"Kalau mahu melihat Kelantan tidak ketinggalan, semua pihak mesti berusaha dari sekarang dan mengambil langkah perlu memastikan negeri ini membangun menjelang abad ke-21," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah dalam diskusi 'Peranan Swasta Dalam Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan: Satu Huraian', anjuran Institut Penyelidikan dan Pengajian Strategik Kelantan (Kriss), di Auditorium Mara, di Kota Bharu baru-baru ini.

Turut memberi ceramah Pengarah Eksekutif Kriss, Zaid Ibrahim dan Ketua Pegawai Perancang Korporat KUB, Prof Madya Rahim Kamil Sulaiman.

Pada 4 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama memajukan Projek Petrokimia di Pantai Senok bernilai kira-kira RM2 bilion antara Keloil Sdn Bhd dengan KUB Holdings di pekarangan kilang KUB Tekstil, Pengkalan Chepa.

(END)